



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	6/12/2019
JABATAN	:	KATS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

# Semua negeri setuju naik tarif air: Xavier

Kadar akan dimuktamad selesai perbincangan

Oleh Khairul Azran Hussin  
khaiazr@bh.com.my

**Shah Alam:** Semua negeri secara dasarnya bersetuju menaikkan tarif air tahun hadapan manakala kadarnya akan dimuktamadkan selepas perbincangan selesai diadakan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata pihaknya kini memperhalusi beberapa perkara berkaitan.

"Saya boleh katakan semua (negeri) setuju. Kita akan bantangkan kewajaran tarif air dinaikkan kepada semua negeri dan kadar utiliti ini tidak pernah disemak tempoh 20 tahun.

"Pada masa sama, kerajaan memberi jaminan kenaikan tarif air ini munasabah, tidak membebankan pengguna dan kadar peningkatan tidak melebihi dua peratus daripada pendapatan isi rumah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Lawatan Bangunan Asrama Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Midlands di sini, semalam.

Xavier berkata, kerajaan turut bersetuju meminda Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WASIA)



Xavier (kanan) pada Majlis Lawatan Bangunan Asrama Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Midlands, Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

bagi memperkemas beberapa peraturan, antaranya membolehkan pembabitan syarikat swasta untuk membangunkan industri air di negara ini.

"Cadangan pindaan Akta WASIA adalah atas persetujuan Kabinet dan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Ketika ini, kerajaan turut menanggung kos perkhidmatan air yang membabitkan perbelanjaan besar.

"Industri air memerlukan dana yang besar bagi memastikan kelancaran perkhidmatan dan kita harap semua pihak memahami perkara ini," katanya.

**Kerajaan jamin kenaikan tarif air munasabah, tidak beban pengguna dan kadar peningkatan tidak melebihi dua peratus daripada pendapatan isi rumah.**

Xavier Jayakumar,  
Menteri Air, Tanah  
dan Sumber Asli

Sebelum ini, kerajaan memberi jaminan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) air yang dijangka dilaksanakan tahun depan, tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah.

Pelaksanaan TSM mencadangkan pelarasan tarif minimum membabitkan kenaikan antara 0.06 sen hingga 0.71 sen bagi setiap 1,000 liter, lebih rendah berbanding bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan telekomunikasi.

Purata kadar tarif air ketika ini adalah RM1.38 bagi setiap 1,000 liter berbanding kos sebenar RM2.31 bagi setiap 1,000 liter.